

19 Ahli Pengakap Remaja terima sijil perkhemahan

Siaran Akhbar dan Foto :
Persatuan Pengakap Daerah Belait

KUALA BELAIT, Isnin, 3 Disember. - Seramai 19 Ahli Pengakap Remaja menerima sijil perkhemahan pada Majlis Penutup Perkhemahan Pengakap Gabungan Pasukan Pengakap 3018 Maktab Anthony Abell dan Pasukan Pengakap 1063 Sekolah Menengah Sayyidina Abu Bakar Lambak Kanan.

Manakala 11 Ahli Pengakap Muda menerima Lencana Advanced Scout Standard pada Majlis Penutup berlangsung di Sekolah Rendah Sungai Tali Lumut II.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Pemangku Ketua Kampung Rancangan Perumahan Negara Lumut, Pengiran Ahmad bin Pengiran Haji Mahmud.

Antara pemimpin pengakap yang turut hadir ialah Pemangku Penolong Pesaruhjaya Pengakap Daerah Bahagian Pengakap Muda dan Remaja, Awang Mohammad Haslan bin Haji Suhaili; Pemimpin Pasukan Pengakap 1063, Awang Shukri bin Haji Masri; Penolong Pemimpin Pasukan Pengakap 1063, Awang Hamdanajib bin Domeng; Dayang Suria @ Siti Hadijah binti Hifni dan Pemimpin-Pemimpin Pasukan Pengakap 3018 serta bcbcrapa orang Ahli Pengakap Dewasa.

Antara tujuan perkhemahan diadakan adalah untuk memenuhi kriteria bagi para ahli sebelum diantugerahkan Lencana Kemajuan Advanced Scout Standard dan Lencana Scout Standard serta

Lencana Kecekapan.

Perkhemahan selama tiga hari dua malam itu telah bermula 30 November 2018 hingga 2 Disember 2018.

Antara perisian program ialah kepimpinan dalam berpengakap, memasak cara hutan, penjelajahan, simpulan dan ikatan bagi membina scout gadgets dan kerja-kerja kemasyarakatan.

Selain itu, ia juga memberikan pengalaman yang berguna kepada para ahli untuk mengaplikasikan ilmu-ilmu di dalam berpengakap serta mengisytiharkan masa dengan aktiviti yang berfaedah semasa cuti penggal persekolahan.

Dengan adanya perkhemahan tersebut diharap akan dapat merapatkan lagi silaturahim di antara pemimpin-pemimpin dan ahli-ahli persatuan pengakap di daerah-daerah.

Peserta Program Kemahiran Bahasa Al-Quran terima sijil



ANTARA peserta yang menamatkan Program Kemahiran Bahasa Al-Quran (Kemahiran Mendengar dan Kemahiran Bertutur) Sesi Ogos 2018.

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 3 Disember. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Pusat Kepimpinan dan Pembelajaran Sepanjang Hayat telah mengukuhkan program ilmiah yang telah bermula pada bulan Ogos yang lalu, iaitu Program Kemahiran Bahasa Al-Quran (Kemahiran Mendengar dan Kemahiran Bertutur) Sesi Ogos 2018.

Dalam program tersebut, seramai 10 peserta berjaya menamatkan program tersebut yang terdiri daripada orang-orang persendirian, pelajar, pegawai dan kakitangan Kementerian.

Program seumpamanya ditawarkan oleh pihak UNISSA dan diadakan selama 12 minggu, iaitu pada setiap Jumaat dan Ahad, khusus untuk memberi peluang kepada orang ramai mempelajari dan mempraktikkan kemahiran mendengar dan bertutur di dalam bahasa Arab.

Pihak UNISSA akan terus mempergiatkan lagi Program Kemahiran Bahasa Al-Quran secara berterusan.

Sebarang pertanyaan atau keterangan lanjut mengenai program tersebut, orang ramai bolehlah menghubungi Pusat Kepimpinan dan Pembelajaran Sepanjang Hayat, UNISSA melalui talian +673 2462000 sambungan 204 / 202 ataupun melayari laman sesawang www.unissa.edu.bn atau menghantar e-mel ke C4L@unissa.edu.bn.



SERAMAI 19 Ahli Pengakap Remaja menerima sijil perkhemahan pada Majlis Penutup Perkhemahan Pengakap Gabungan Pasukan Pengakap 3018 Maktab Anthony Abell dan Pasukan Pengakap 1063 Sekolah Menengah Sayyidina Abu Bakar Lambak Kanan.



MINDA PEMBACA

Manfaatkan cuti persekolahan sebaik mungkin

MUSIM cuti persekolahan baru saja bermula. Ia sudah pasti, menjadi saat yang dinantikan oleh para pelajar lebih-lebih lagi jangka masa cuti yang panjang. Cuti persekolahan merupakan masa untuk para pelajar berehat tanpa pergi ke sekolah. Akan tetapi, cuti sekolah seharusnya diisi dengan perkara yang bermanfaat dengan aktiviti yang berfaedah.

Terdapat banyak perkara yang boleh dilakukan sepanjang cuti persekolahan.

Antaranya ialah meluangkan masa bersama keluarga dengan melancong. Melancong dapat meluaskan minda anak-anak dengan dunia luar. Melancong tidak semestinya didefinisikan dengan mengeluarkan perbelanjaan yang banyak untuk membeli-belah. Namun, ia dapat dimanfaatkan dengan melawat tempat-tempat bersejarah dan tempat-tempat menarik bagi menambah ilmu pengetahuan seseorang. Tambahan pula, melancong juga dapat mengeratkan

hubungan silaturahim sesama keluarga.

Seterusnya, cuti persekolahan dapat dimanfaatkan dengan melakukan kerja amal. Perkara ini dapat memupuk sikap nilai-nilai murni dalam diri seseorang. Misalnya, memberi makanan kepada golongan yang memerlukan, menghulurkan bantuan kepada anak-anak yatim dan melawat warga emas yang tinggal di rumah kebajikan orang tua. Perkara ini juga dapat mendidik anak-anak supaya sentiasa bersyukur dengan kurniaan yang Allah Subhanahu Wata'ala berikan. Di samping itu, kerja amal juga dapat dilakukan di rumah, iaitu dengan menolong ibu bapa melakukan kerja-kerja rumah. Dengan cara sebegini, kita dapat memupuk sikap kerjasama dan

tolong-menolong di antara satu sama lain.

Justeru, para pelajar sewajarnya merancang cuti persekolahan mereka dengan bijak agar tidak dibazirkan dengan perkara-perkara yang tidak berfaedah. Pelbagai jenis aktiviti boleh dilakukan bagi mengisi masa lapang yang ada. Ibu bapa wajar mengambil peranan penting dalam memantau aktiviti-aktiviti anak mereka sepanjang cuti persekolahan. Secara amnya, cuti sekolah adalah masa yang terbaik untuk meluangkan masa bersama keluarga bagi membina keluarga yang harmoni.

Nama : Nurjehan Hamidah binti Haji Abd. Latip
No. K/P : 01-107276 (K)

Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Waspada Gejala Penyebaran Berita Palsu'. Tarikh Tutup : 5 Disember 2018
2. 'Kepentingan Mengamalkan Semangat Kejiranan'. Tarikh Tutup : 12 Disember 2018
3. 'Pertanian Berpotensi Jana Pendapatan Lumayan'. Tarikh Tutup : 19 Disember 2018

Terma dan Syarat :

1. Penyertaan dibuka kepada remaja yang berusia lingkungan 15 hingga 25 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditulis jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.

3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

Sidang Pengarang, Minda Pembaca
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam.
atau melalui
E-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi
BND75
Setiap Minggu

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang